

3 Oktober 2010 (Ahad)

Enjin F-5E dibawa pulang akhir bulan - Mahkamah Uruguay putuskan milik Malaysia

Oleh Suhana Roslan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan akan membawa pulang dua enjin pesawat tempur F-5E milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang hilang dua tahun lalu, selewat-lewatnya, akhir bulan ini. Menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata keputusan membawa balik dua enjin itu diperoleh selepas Mahkamah Uruguay memutuskan dua enjin yang disimpan kerajaan terbabit, adalah hak milik Kerajaan Malaysia. Beliau berkata, berita gembira itu disampaikan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail yang menghubungi beliau, tiga hari lalu. "Provos Marsyal Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersama wakil Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara akan berangkat ke Uruguay selewat-lewatnya akhir bulan ini bagi menguruskan proses membawa pulang dua enjin terbabit," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Aidilfitri di Kementerian Pertahanan di sini, malam tadi. Ahmad Zahid berkata, TUDM sudah menghubungi Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara yang sedang menterjemahkan keputusan Mahkamah Uruguay yang dibuat dalam bahasa Sepanyol kepada bahasa yang mudah difahami.

Beliau berkata, keputusan mahkamah itu diterjemah bagi memastikan kandungan dan maksud sebenarnya tidak mengelirukan mana-mana pihak, selain merapatkan hubungan dua hala antara Uruguay dan Malaysia. Akhir tahun lalu, Berita Harian mendedahkan kehilangan enjin pesawat tempur buatan Amerika Syarikat (AS) itu ketika dihantar daripada Skuadron Ke-12 Scorpion Butterworth ke Pangkalan Udara Kuala Lumpur untuk penyelenggaraan rutin pada awal 2007. Enjin itu dipercayai dijual kepada pihak luar. Berikut itu, Sarjan N Tharmendran, 42, daripada TUDM dan ahli perniagaan, K Rajandran Prasad, 37, didakwa di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya di sini, pada 6 Januari lalu atas tuduhan berhubung kehilangan dua enjin pesawat tempur bernilai kira-kira RM607,140 pada 2007 dan 2008. Sementara itu, ketika ditanya berhubung Bajet 2011 yang akan dibentangkan pada 15 Oktober ini, Ahmad Zahid berkata, kementerian akan memberi keutamaan kepada aset dan peralatan dalam menjaga keselamatan negara. "Soal sama ada bajet dikurangkan atau sebaliknya akan disesuaikan bergantung kepada keperluan yang diputuskan nanti," katanya.

3 Oktober 2010(Ahad)

Laporan Khas: 80 peratus premis terdedah kilat

Oleh Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail edisiminguhan@bharian.com.my

INFO

- 80% sistem perlindungan kilat pada bangunan seluruh negara tidak mengikut piawaian.
- 90% bangunan di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pula didapati tidak dilengkapi sistem perlindungan kilat yang menepati piawaian termasuk bangunan Jabatan Perdana Menteri, hospital dan masjidnya.
- Kebanyakan daripada **147** hospital awam di seluruh negara pula didapati tidak mempunyai sistem perlindungan kilat yang menepati piawaian.
- Panahan kilat menghasilkan arus elektrik pada tahap tinggi iaitu **30,000 hingga 300,000 ampere** dengan tahap kepanasan kira-kira **40,000 darjah celsius**.
- Arus elektrik untuk kegunaan bangunan hanya **60 ampere**.
- **25,000** individu di kesan menjadi mangsa panahan kilat seluruh dunia dan kerugian mencecah **RM3.6 bilion** setahun.
- Jumlah kilat yang berlaku di negara ini antara tertinggi di dunia apabila Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) merekodkan secara purata berlaku sebanyak **190 hari** kilat dalam tempoh setahun.
- Kawasan Florida, Amerika Syarikat yang hanya merekodkan sebanyak **80 hari** dalam setahun.
- Kawasan Subang, Selangor pula adalah kawasan yang mempunyai kadar penetrmaian kilat tertinggi iaitu sebanyak **362 hari** dalam setahun pada **1987**.
- Daerah Bogor, Indonesia yang dicatat dalam Guiness Book of World Record, dengan **322 hari** penetrmaian kilat dalam setahun pada **1988**.



Sistem perlindungan petir di bangunan kerajaan tak ikut piawaian global

KUALA LUMPUR: Kira-kira 80 peratus sistem perlindungan kilat yang dipasang pada bangunan termasuk hospital seluruh negara tidak menepati kehendak dan piawaian kebangsaan serta antarabangsa. Lebih teruk lagi, 90 peratus bangunan di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pula didapati tidak dilengkapi sistem perlindungan kilat yang menepati piawaian termasuk bangunan hospital dan masjidnya. Yang amat membimbangkan, kebanyakan daripada 147 hospital awam di seluruh negara pula didapati tidak mempunyai sistem perlindungan kilat yang menepati piawaian.

Keadaan ini selain boleh menyebabkan kerosakan pada sistem elektronik dan bangunan, ia juga memberi kesan besar kepada pesakit yang menerima rawatan. Ini bermakna, kebanyakan bangunan di negara kita terdedah kepada bahaya kerosakan peralatan elektronik, kebakaran bangunan dan boleh mendatangkan kecederaan atau kematian kepada pengguna yang berada berhampiran peralatan yang menerima kesan panahan kilat. Panahan kilat adalah satu ‘ancaman besar’ jika tidak diuruskan dengan sempurna kerana ia menghasilkan arus elektrik pada tahap tinggi iaitu 30,000 hingga 300,000 ampere dengan tahap kepanasan kira-kira 40,000 darjah celsius. Jumlah itu terlalu tinggi berbanding kegunaan untuk satu fasa bangunan yang jumlah arus elektrik hanya 60 ampere. Di seluruh dunia sebanyak 25,000 individu di kesan menjadi mangsa panahan kilat dan memusnahkan harta benda hingga mencecah kerugian RM3.6 bilion setahun. Walaupun, tiada angka dan kajian berhubung kerosakan dan kerugian secara khusus di negara kita berpunca panahan kilat, angka secara keseluruhan menunjukkan masalah itu perlu diambil serius dalam memastikan keselamatan bangunan dan pengguna terjamin.

Keadaan ini ditambah dengan wujudnya sikap ‘tidak perlu bimbang’ atau ‘tidak perlu kisah’ kepada perlunya sistem perlindungan kilat yang menepati piawaian sehingga berlaku kerosakan disebabkan panahan kilat terhadap sesebuah bangunan. Pengarah Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir, berkata kadar panahan kilat yang tinggi dengan sebilangan besar bangunan tidak dilengkapi sistem panahan kilat yang menepati piawaian adalah satu igauan besar kepada negara. Ini kerana katanya, bangunan termasuk peralatan elektronik terdedah kepada kerosakan dan boleh membawa kepada kecederaan atau kematian. Beliau berkata, kadar kegagalan atau kerosakan disebabkan perlindungan bukan konvensional terbukti tinggi bukan saja di negara ini malah berlaku di negara lain seperti Indonesia, Singapura dan Sri Lanka yang rata-ratanya menerima kadar panahan kilat yang tinggi. “Gangguan bekalan elektrik dan kerosakan peralatan elektronik akibat pancaran kilat terutama kepada sektor perindustrian menyebabkan kerugian ekonomi kepada negara.

Penggunaan alat perlindungan kilat yang tidak menepati piawaian, oleh menyebabkan berlakunya risiko litar pintas yang membawa kepada gangguan bekalan elektrik atau kebakaran,” katanya. Dr Mohd Zainal berkata, kebanyakan sistem perlindungan panahan kilat sedia ada, menunjukkan ia dipasang berdasarkan permintaan pemilik bangunan itu sendiri atau berdasarkan cadangan dibuat oleh pembekal yang tidak berdasarkan kepada fakta seperti digariskan piawaian antarabangsa. Mengikut piawaian antarabangsa, hanya sistem konvensional atau ‘Franklin System’ yang memenuhi kriteria ditetapkan untuk pemasangan sistem perlindungan kilat iaitu terdiri daripada komponen Rod Franklin, konduktor penghubung antara Rod Franklin dan terminal pembumian dan rod pembumian. “Alat perlindungan pusuan (Surge Protective Device) juga komponen penting bagi perlindungan dalaman seperti barang elektrik di dalam bangunan. Ini bertepatan dengan prosedur digariskan dalam piawaian oleh SIRIM (MS-IEC 62305) dan Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC). “Sehingga kini sistem bukan konvensional menjadi isu besar di dalam konsep dan kaedah perlindungan kilat di seluruh dunia kerana kos pemasangannya mahal tetapi tidak mempunyai bukti teknikal dan saintifik untuk perlindungan kilat yang berkesan hingga ditentang keras oleh saintis di seluruh dunia,” katanya. Dalam menyediakan sistem perlindungan kilat yang mengikut piawaian, kosnya bergantung kepada saiz bangunan, peralatan di dalam bangunan terbabit dan prosedur ini sudah dinyatakan dengan jelas di dalam piawaian yang dikeluarkan IEC.

Malaysia hadapi jumlah petir tertinggi

KUALA LUMPUR: Jumlah kilat yang berlaku di negara ini adalah antara tertinggi di dunia apabila Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) merekodkan, secara purata dalam tempoh setahun ia berlaku sebanyak 190 hari. Pengarah Kajian Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir, berkata keadaan itu dua kali ganda lebih tinggi berbanding di Florida, Amerika Syarikat yang hanya merekodkan sebanyak 80 hari dalam setahun. Katanya, kawasan Subang, Selangor pula adalah kawasan yang mempunyai kadar penerimaan kilat tertinggi iaitu sebanyak 362 hari dalam setahun pada 1987. Keadaan ini, mengatasi daerah Bogor, Indonesia yang dicatat dalam Guiness Book of World Records, dengan 322 hari penerimaan kilat dalam setahun pada 1988. "Apa yang membimbangkan sebagai sebuah negara berstatus perindustrian, dengan jumlah penerimaan kilat sebanyak itu, ia meletakkan negara pada kedudukan teratas dalam jumlah panahan kilat yang dikenali sebagai 'Mahkota Kilat' (Crown of Lightning)," katanya kepada Berita Minggu.

Katanya, sistem perlindungan kilat yang mengikut piawaian amat penting bagi memastikan setiap bangunan selamat daripada panahan petir yang boleh mengakibatkan kerugian dan kehilangan nyawa. "Bagi memastikan keselamatan bangunan di negara ini daripada panahan kilat, CELP UPM bekerjasama dengan saintis dalam dan luar negara untuk mengajar dan membina kesedaran di kalangan masyarakat ke arah kepentingan keselamatan kilat serta kepentingan perlindungan kilat menggunakan kaedah yang hanya diluluskan oleh piawaian antarabangsa. "Seminar dan kempen juga diadakan kepada jurutera dan mereka yang terbabit secara langsung atau tidak langsung di dalam bidang penyelidikan kilat di negara ini dan luar negara untuk mempertingkatkan kepekaan terhadap tahap keselamatan dengan memasang alat perlindungan kilat menepati standard Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

3 Oktober 2010(Ahad)

Kos belanja kerja haji akan dikaji

YAN: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) akan melakukan satu kajian menyeluruh mengenai kos pengangkutan dan penginapan di Makkah, pada masa terdekat ini sebelum menaikkan tambang baru yang bakal dikenakan ke atas bakal jemaah haji. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata, ini penting bagi memastikan kenaikan itu relevan dan tidak membebankan bakal haji berkenaan. Tambang menunaikan haji bagi musim depan dijangka naik berikutan peningkatan kos perbelanjaan termasuk penginapan dan pengangkutan di Makkah. "Sehubungan itu, kajian itu akan dilakukan sebelum melakukan penstrukturran semula kadar tambang berkenaan. Namun, saya ingin tegaskan bahawa kos tambang haji jemaah Malaysia paling rendah berbanding Thailand, Brunei, dan Filipina. "Kita perlu mengambil kira semua kos berkenaan kerana semua hotel berdekatan dengan Masjidil Haram sudah diruntuhkan Kerajaan Arab Saudi bagi membangunkan kawasan baru yang boleh menampung lebih tiga juta jemaah," katanya selepas Majlis Aidilfitri dan Penyampaian Sumbangan kepada Golongan Asnaf di daerah Yan, di sini, semalam. Jamil Khir berkata, Tabung Haji akan melihat kenaikan itu secara positif bagi mengimbangkan kepentingan jemaah haji dan pendeposit Tabung Haji. "Jika harga lama dikekalkan, Tabung Haji terpaksa memberi subsidi sebanyak RM3,060 bagi setiap jemaah...sayaberpendapat jika berlaku kenaikan sekali pun, pasti bakal jemaah dapat memahaminya," katanya

13 Oktober 2010 (Rabu)

ECER SEZ bakal terima pelaburan baru RM620j - Projek beri impak kepada industri minyak, gas operasi 2013

Oleh Rosli Abdul Jalil bhbiz@bharian.com.my



SULTAN Ahmad Shah dan Jebasingam (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen antara Tengku Abdul Rahman (kiri) dengan Iqbal Mohammed di Kuantan, semalam.

ZON Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER SEZ) bakal menerima pelaburan baru bernilai RM620 juta menerusi pembinaan Pangkalan Bekalan Pengguna Bersama Pelbagai Guna di Taman Industri Minyak & Gas dan Logistik Tanjung Agas di Pekan, Pahang. Pangkalan itu akan dibangunkan Oilfields Supply

Center Ltd (OSC) berpangkalan di Dubai dan Tanjung Agas Supply Base & Marine Services Sdn Bhd (TASBMS) menerusi sebuah syarikat usaha sama, Tanjung Agas Oilfields Supply Centre Sdn Bhd (TAOSC). Majlis pecah tanah pembinaan pangkalan itu dirancang diadakan bulan depan dan ia dijangka beroperasi sepenuhnya pada 2013. Pengarah Urusan TASBMS, Mohd Faidzal Ahmad Mahidin, berkata pangkalan itu akan dibangunkan di tapak seluas 101.17 hektar di pinggir laut sepanjang 1.5 kilometer dengan kedalaman air 20 meter. "Apabila siap kelak, ia akan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sokongan menyeluruh untuk syarikat tempatan dan antarabangsa yang terbabit dalam operasi penerokaan, eksplorasi dan pengeluaran minyak dan gas luar pesisir perairan Malaysia serta perairan di sekitar Laut China Selatan," katanya pada majlis pemeteraian perjanjian usaha sama itu di Kuantan, semalam.

Pada majlis itu TASBMS diwakili Pengurusinya, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah manakala OSC oleh Pengurus Besar Perhubungan Korporatnya, Iqbal Mohammed Abdullah Abedin. Ia disaksikan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah serta Ketua Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issace John. Mohd Faidzal berkata, TASBMS yakin kerjasamanya dengan OSC itu bakal memberikan impak besar kepada industri minyak dan gas di Malaysia, di samping merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan, terutama di Pekan. Sementara itu, Iqbal Mohammed Abdullah, berkata pembabitan OSC di Tanjung Agas bukan sekadar pelaburan perniagaan semata-mata tetapi lebih bersifat perkongsian dengan Malaysia. "Kami mempunyai pengalaman lebih 50 tahun dalam bidang minyak dan gas dan usaha sama ini akan mencetuskan kejayaan yang diharapkan," katanya sambil menambah syarikat usaha sama itu akan memanfaatkan kepakaran dan kemahiran teknikal OSC bagi menyumbang kepada pembangunan sektor minyak, gas dan petrokimia di kawasan ECER dan Malaysia. Jebasingam pula berkata, pangkalan bekalan itu akan menjadi komponen utama di Taman Industri Minyak & Gas dan Logistik Tanjung Agas.

13 Oktober 2010 (Rabu)

Sarawak yakin empangan tak jadi projek gajah putih

KUCHING: Sarawak yakin projek Empangan Hidroelektrik Bakun tidak akan menjadi projek gajah putih berikutan ia mempunyai banyak potensi dengan perancangan rapi mengenainya sudah dibuat lebih 20 tahun dulu, termasuk bagi menampung permintaan tenaga di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score). Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan, berkata banyak perkara perlu dianalisa terlebih dulu termasuk memikirkan potensi yang belum diteroka sebelum keputusan penjualan empangan berkenaan dapat dilaksanakan. Katanya, di samping mencari keuntungan, Kerajaan Persekutuan perlu membincangkan kepentingan empangan ini kepada kawasan Malaysia Timur dan memastikan masyarakat di sini mendapat faedah dari proses penjualannya kepada kerajaan negeri. "Salah satu tujuan pembinaan empangan ini adalah bagi menampung permintaan dalam bidang industri ringan dan berat di Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan perlu menggunakan pendekatan terbaik sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya. "Setakat ini, kita masih berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai proses pembelian empangan itu dengan saya boleh katakan proses ini berjalan lancar namun ia perlu mengambil sedikit masa sebelum dapat dimuktamadkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM) di sini kelmarin.

Kerajaan Sarawak sebelum ini menyatakan mungkin tidak akan mempertimbangkan pembelian Empangan Bakun melebihi RM7 bilion dengan Kerajaan Persekutuan setakat ini masih belum menetapkan harga muktamad. Mengulas mengenai keyakinan Sarawak bahawa Kerajaan Persekutuan akan menjual empangan itu kepada kerajaan negeri, beliau berkata, pihaknya tidak mahu terlalu yakin tetapi pada masa sama menyifatkan peluang tetap cerah. "Saya tidak menyatakan kita yakin dapat membeli Empangan Bakun tetapi peluang ke arah itu sememangnya ada selepas Kerajaan Persekutuan sendiri menyatakan hasrat mereka menjualkannya kepada kita bagi mengurus dan mengendalikan operasinya. "Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sendiri mahu empangan ini bukan saja dapat memberi faedah kepada Sarawak dan penduduk di sini tetapi kepada seluruh negara ini," katanya.

14 Oktober 2010 (Khamis)

Bakun jana elektrik Jun 2011 - Empangan boleh mulakan operasi apabila air takungan cecah 195 meter

Oleh Ahmad Fiesal Othman fsal@bharian.com.my



EMPANGAN Bakun mampu menghasilkan kuasa elektrik 2,400 Megawatt.

PROJEK empangan elektrik hidro Bakun di Sarawak akan menjana 300 megawatt (MW) bekalan elektrik pada Jun tahun depan susulan proses takungan air untuk empangan itu semalam. Sarawak Hidro Sdn Bhd, dalam kenyataannya berkata, pihaknya berjaya menutup pintu empangan di terowong pecahan air pada jam 10.00 pagi semalam selepas ia memperoleh Sijil Takungan daripada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak. "Dengan bermulanya proses takungan air itu, banjir akan mengambil masa tujuh bulan mencecah paras operasi minimum 195 meter (daripada paras laut) untuk ujian basah turbin," katanya dalam satu kenyataan semalam. Sarawak Hidro, anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan, adalah pemaju Empangan Bakun yang akan menjana 2,400MW bekalan elektrik apabila kesemua lapan turbin beroperasi pada 2012.

Kawasan yang dibanjiri meliputi 69,500 hektar tanah, iaitu seluas saiz Singapura dan Empangan Bakun itu dijangka siap menjelang Disember ini. Projek itu terletak di Sungai Balui di lembangan Sungai Rajang, iaitu 37 kilometer ke hulu bandar Belaga. Sarawak Hidro berkata, sepanjang proses penutupan pintu empangan di terowong pecahan air itu, aliran air ke hulu empangan itu akan dikenalkan menerusi satu mekanisma untuk melepaskan antara 150 meter dan 260 meter padu air bergantung kepada tahap di takungan air empangan itu. Langkah itu katanya, dikawal menerusi injap pelepasan bagi mengekalkan aliran minimum asas di sungai yang mana pengurangan tahap air di hulu dapat diperhatikan. "Oleh kerana ia mengambil sedikit masa sebelum projek elektrik hidro Bakun boleh beroperasi pada tahap maksimum, pelepasan air limpahan secara biasa akan dilakukan bagi meningkatkan tahap air di bahagian hulu sungai bagi membantu pengangkutan air beroperasi di Sungai Rajang terutama di bahagian antara Kapit dan Belaga ketika musim kemarau," katanya. Sarawak Hidro berkata, kajian hidrologi di bahagian hulu sungai yang dilakukan di bawah Penilaian Mendalam Impak Alam Sekitar menunjukkan bahawa bakal terdapat pengurangan tahap air di Kapit masing-masing antara 0.25 meter hingga 2.6 meter ketika aliran tinggi dan perlahan.

Justeru katanya, menerusi kaedah dilaksanakan itu, sistem pengangkutan air di Kapit masih boleh digunakan bagi penumpang bot ekspres ketika musim kemarau, tetapi pergerakan di bahagian hilir Kapit ke Belaga tidak boleh digunakan kecuali bagi penumpang bot laju kecil. "Pengangkutan sungai menggunakan bot ekspres dari Kapit ke hilir sungai yang ketika ini terganggu semasa musim kemarau akan boleh digunakan sepanjang tahun apabila projek empangan elektrik hidro Bakun ini beroperasi sepenuhnya menerusi air yang dilepaskan daripada limpahan empangan," katanya.

20 Oktober 2010 (Rabu)

5 pengurus kendali Dana Pencen Swasta - Pencarum KWSP diberi pilihan dapatkan pulangan berbeza

Oleh Shahrizan Salian shahrizan@bharian.com.my

DANA Pencen Swasta yang bakal diperkenalkan kerajaan tahun depan akan diuruskan oleh empat atau lima pengurus dana dibuka kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Datuk Dr Mahani Zainal Abidin, berkata dana persaraan swasta itu juga ditawarkan sebagai pilihan kepada pekerja yang mencarum kepada KWSP. "Ia adalah pilihan kepada pencarum KWSP yang mungkin mempunyai lebihan wang dan mahu mendapatkan pulangan berbeza atau lebih tinggi berbanding dividen tahunan diberikan oleh pengurus dana simpanan pekerja itu," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mempengerusikan Dialog Pasca Bajet 2011 anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. Mahani yang juga ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN), berkata pengurus dana berkenaan akan dipilih oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) berdasarkan kriteria yang akan ditetapkan kelak dan akan dipantau oleh pengawal selia sekuriti itu.

"Pengurus dana itu ada peserta sedia, tidak membabitkan tawaran lesen baru. Pencarum kemudian boleh memilih untuk melabur wang dalam mana-mana pengurus dana berkenaan," katanya. Penubuhan dana itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2011 minggu lalu. Perdana Menteri berkata, pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 sedia ada bagi caruman pekerja kepada KWSP diperluaskan meliputi caruman kepada dana baru itu. Majikan juga akan diberi potongan cukai caruman yang dibuat bagi pekerja. SC sebelum ini diamanahkan kerajaan mencari modul sesuai bagi melaksanakan Dana Pencen Swasta, yang mirip kepada dana pencen kerajaan. Pengawal selia itu sudah mengenal pasti enam negara yang berpotensi dijadikan contoh pelaksanaan dana itu iaitu Amerika Syarikat, Australia, Chile, Denmark, Switzerland dan United Kingdom. Mahani berkata, langkah memperkenalkan Dana Pencen Swasta adalah disebabkan saiz dana KWSP kini sudah terlalu besar.

20 Oktober 2010 (Rabu)

Sentral: Lombong pasir diserbu

Oleh Sarah Sulaiman sarahsulaiman@bharian.com.my

Penguat kuasa diekori tonto, jentera kaut pasir disorok

SEMENYIH: Pasukan penguat kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat (PTDHL) bersama agensi penguat kuasa lain, menyerbu kawasan perlombongan pasir haram di Sungai Kembong Hulu semalam dan menemui sebuah mesin pengaut pasir yang disorokkan. Operasi diketuai Pegawai Daerah Hulu Langat, Zainal Abidin Aala, mendapati timbunan pasir yang dilonggokkan sebelum ini dipercayai sudah dibawa keluar oleh pihak yang menjalankan perlombongan haram di kawasan berkenaan. Ketika operasi berkenaan enam kenderaan dipercayai dipandu tonto turut mengekori kenderaan penguat kuasa tetapi tidak ada sebarang kejadian tidak diingini berlaku. Zainal Abidin berkata, operasi itu dibantu 12 anggota penguat kuasa PTDHL, 10 anggota dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) serta 10 anggota polis daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang. "Berdasarkan kepada pemantauan hari ini (semalam) kita mengesyaki masih berlaku aktiviti mencuri pasir kerana terdapat jentera yang disorokkan di kawasan itu. Kami akan terus melakukan pemantauan serta meninjau kawasan terbabit sepanjang masa," katanya.

Semalam Sentral melaporkan sebuah lagi kawasan melombong pasir haram dikesan kira-kira 17 kilometer (km) dari lokasi pertama di Kampung Pasir Baru berhampiran kawasan jirat Cina Nirvana Memorial Park di sini. Kegiatan yang dimulakan sejak Sabtu lalu selepas dihentikan sejak Disember tahun lalu dijalankan di Kampung Sungai Kembong Hulu. Sementara itu, Zainal Abidin berkata, pihaknya mengenal pasti lebih 30 kawasan di daerah berkenaan yang menjadi lokasi melombong pasir dan mengorek tanah secara haram sejak beberapa tahun lalu. Katanya, mereka bertumpu di kebanyakan sungai di daerah ini yang mempunyai pasir dan mengeluarkan hasil bumi itu dalam kuantiti yang kecil kurang 10 lori untuk setiap kali aktiviti bagi satu-satu kawasan. Beliau berkata, pihaknya sukar menahan pihak terbabit kerana kawasan Hulu Langat yang luas, pengeluaran dalam jumlah yang sedikit, jumlah sungai yang kebanyakan berpasir selain kelicikan pencuri pasir itu menjalankan kerja mengorek ketika waktu malam hingga lewat pagi. "Kita sering menjalankan pemantauan termasuk mengambil tindakan terhadap pencuri pasir ini tetapi disebabkankekangan tertentu dan permintaan tinggi pasir sungai menyebabkan aktiviti itu tetap berlaku walaupun penguatkuasaan sudah dijalankan. "Sehubungan itu, kami akan melakukan pemantauan pada waktu malam. Kita juga akan bekerjasama dengan polis dan agensi penguat kuasa lain bagi memastikan kes kecurian pasir ini dapat dibanteras," katanya. Selain itu, katanya, pihaknya akan terus memberikan permit kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd, anak syarikat kerajaan Selangor untuk menguruskan pengeluaran pasir di Hulu Langat.

20 Oktober 2010 (Rabu)

Timur: Kadar elaun 2,200 imam, 3,200 guru KAFA kekal

Oleh Baharom Bakar bhkt@bharian.com.my

Terengganu tak potong bayaran kakitangan sambilan

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri memberi jaminan tidak akan memotong elaun lebih 2,200 imam serta 3,200 guru Kelas Asas Fardu Ain (KAFA), walaupun ada antara mereka adalah penjawat awam dan hanya menjalankan tugas tiga hari seminggu. Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan negeri, Khazan Che Mat, berkata lebih 85 peratus guru KAFA yang bertugas di negeri ini mempunyai pekerjaan serta pendapatan tetap dan mereka hanya menjalankan tugas secara sambilan di bawah pengawasan Yayasan Islam Terengganu (YIT). Beliau berkata, walaupun menjalankan tugas secara sambilan, kadar elaun mereka akan dibayar penuh, termasuk menikmati kenaikan imbuhan daripada RM500 kepada RM800 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2011, Jumaat lalu. "Seramai 3,200 guru KAFA bertugas secara kontrak dan mereka hanya menjalankan tugas tiga hari seminggu. "Begitu juga dengan 2,200 imam di negeri ini yang ada antara mereka hanya bertugas secara sambilan. Tetapi, kita tegaskan mereka tetap akan menerima elaun kenaikan daripada RM450 kepada RM750 sebulan dan kenaikan itu akan dibayar tahun depan," katanya mengulas kebimbangan guru KAFA dan imam mengenai kenaikan kadar elaun yang diumumkan Mohd Najib.

Sebahagian guru KAFA serta imam di negeri ini bimbang mereka tidak akan menerima kenaikan elaun kerana kebanyakan mereka hanya berkerja secara sambilan. Ketika membentangkan Bajet 2011 Jumat lalu, Mohd Najib mengumumkan kenaikan elaun imam daripada RM450 kepada RM750, manakala guru KAFA daripada RM500 kepada RM800. Khazan yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Batu Rakit, berkata kenaikan elaun untuk guru KAFA dan imam itu membuktikan bahawa kerajaan mengiktiraf peranan dan menghargai jasa mereka dalam menyalurkan ilmu kepada masyarakat setempat. "Kita berharap guru KAFA dan imam dapat menuaikan amanah dan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dalam memperkembangkan pendidikan agama di semua masjid serta sekolah, selain membantu kerajaan memartabatkan syiar Islam di negeri ini," katanya.

21 Oktober 2010 (Khamis)

KBS perlu kaji peruntukan elak seleweng

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) perlu mengkaji semula peruntukan sedia ada bagi pertubuhan belia yang dilihat tidak menggunakan untuk faedah hingga ke peringkat akar umbi, selain ia disalahgunakan. Wakil Negeri Sembilan yang juga Ketua Pemuda UMNO bahagian Jempul, Mohd Nizam Aman, berkata Pemuda UMNO terkilan apabila ada di antara peruntukan tidak digunakan sebaiknya terutama dalam membantu persatuan belia. Mohd Nizam, turut menyampaikan gurindam 'Melayu Jangan Jadi Begini...' bagi memberi peringatan kepada orang Melayu.

Antara bait gurindam itu:

*Bangsa Melayu jangan jadi begini...
Beriman di mulut hati berlumut
Beriman di lidah hati menyalah
Lidah bercabang langkah menyilang
Cakap melecoh perangai tak senonoh Tamak harta mabuk dunia
Dapat pangkat lupa akhirat
Baru puji lupa diri
Bangsa Melayu jangan jadi begitu...
Ke tengah bertelingkah ke tepi mendengki
Ke laut menghasut ke darat mengumpat
Ke hulu menipu ke hilir menyindir
Ke atas mengampu ke bawah melaph
Ke gunung menyombong ke lurah menitah*

*Berkawan dengan setan
berguru pada nafsu
Beraja pada selera bersahabat pada maksiat
Berlabuh pada yang tak senonoh berhenti pada yang keji*

*Bangsa Melayu jangan jadi begitu...
Bergantung pada yang serong,
berpijak pada yang merosak
Bersarang pada yang ingkar
berumah pada yang salah
Aniaya pada saudara
khianat pada sahabat
Iri kepada isteri
muak ke orang banyak
Derhaka pada orang tua
menghina pada yang muda
Mencerca sama sebaya
bekerja malas
memimpin culas
Bersusah malu berpahit tak mahu*

*Jadilah bangsa yang bersopan
Jadilah yang berbudi tinggi
Jadilah bangsa yang pentingkan kemuliaan
Jadilah bangsa yang berhemah mulia
Jadilah bangsa yang cintakan muafakat,
Jadilah bangsa yang sentiasa mahu berbakti
Jadilah bangsa yang fikirkan cemerlang dunia dan akhirat*

*Tuah ayam pada sisiknya
Tuah manusia pada baiknya
Tuah kain pada tenunannya
Tuah kayu pada elok buatnya
Tuah Melayu elok maruahnya.*

21 Oktober 2010 (Khamis)

Dewan Rakyat: Audit 10,000 sekolah perbaiki prasarana

Baik pulih bangunan berdasarkan kerosakan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran sudah melakukan audit terhadap 55,000 bangunan di lebih 10,000 sekolah di seluruh negara untuk menentukan status infrastrukturnya dan akan menjalankan usaha baik pulih berdasarkan kerosakan dialami, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Sambil memberi jaminan tidak berlaku pilih kasih dalam usaha itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran, berkata kerajaan menyedari keperluan untuk meningkatkan tahap infrastruktur dan prasarana pendidikan tanpa mengira lokasi dan jenis sekolah. Kita ambil inisiatif buat audit, nilai setiap sekolah dan ia sudah diselesaikan. "Ini dapat memastikan keadaan sekolah itu sama ada perlu tindakan segera untuk kita laksanakan. Yang penting mesti diambil kira keperluan utama, tiada soal pilih kasih. "Saya beri jaminan kalau kita guna tanda aras audit yang disediakan, dalam tempoh beberapa tahun akan datang, sebahagian masalah utama yang kita hadapi di sekolah dapat diselesaikan," katanya pada sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Muhyiddin berkata demikian semasa menjawab soalan tambahan P Kamalanathan (BN-Hulu Selangor) mengenai langkah kementerian dalam memastikan hanya sekolah yang mengalami kerosakan teruk dapat diutamakan serta sama ada terdapat jaminan supaya tiada soal pilih kasih dalam agihan peruntukan. Menjawab soalan asal Kamalanathan, beliau berkata, audit yang dijalankan itu mendapati tiga peratus daripada keseluruhan bangunan sekolah yang diperiksa mengalami kerosakan teruk dan memerlukan perhatian segera, manakala lima peratus bangunan sekolah sedia ada mengalami masalah pendawaian elektrik. Beliau juga berkata pada ini saja, sebanyak 564 projek pembekalan air bersih di sekolah luar bandar sudah dilaksanakan dengan peruntukan RM197.7 juta, manakala 641 projek bekalan elektrik ke sekolah luar bandar dilaksanakan dengan peruntukan RM1.87 bilion, termasuk 140 projek solar hibrid yang dilaksanakan sejak 2007. "Kemudahan asas ini akan terus diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi memastikan semua sekolah mendapat bekalan air bersih serta bekalan elektrik yang sempurna," katanya. – Bernama.

21 Oktober 2010

Parlimen - Projek Hidroelektrik Bakun 97% siap

KUALA LUMPUR 21 Okt.- Projek Hidroelektrik Bakun kini siap 97 peratus dan akan mula beroperasi pada Julai 2011. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim berkata, proses takungan air di empangan tersebut telah dimulakan pada 13 Oktober lalu setelah menerima kelulusan Permit Kebenaran daripada kerajaan negeri Sarawak pada 28 September. "Empangan tersebut dijangka memerlukan enam hingga tujuh bulan bagi mencapai paras takungan minimum untuk menggerakkan turbin pertamanya. "Sekurang-kurangnya sebulan diperlukan untuk menjalankan proses ujian," katanya. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam)** yang ingin tahu status terkini empangan tersebut yang menghadapi masalah pembeli elektrik.

Donald berkata, projek tersebut tidak menghadapi masalah pembeli elektrik kerana kerajaan telah menetapkan bahawa sumber tenaga elektrik dari empangan berkenaan adalah untuk kegunaan penduduk Sarawak. "Pembangunan Sarawak Corridor Renewable Energy (SCORE) memerlukan 3,800MWhingga 4,000MW tenaga elektrik yang mana 1,700MW daripadanya adalah dari sumber Projek Hidroelektrik Bakun," katanya.

23 Oktober 2010

Pinjaman 100% beli rumah RM300,000?

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Kerajaan sedia meneliti cadangan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) agar Skim Perumahan Pertamaku turut memberikan kelonggaran pinjaman 100 peratus kepada pembeli rumah berharga antara RM300,000 dan RM350,000. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Chor Chee Heung berkata, cadangan tersebut adalah sesuatu yang munasabah kerana kini lebih 60 peratus penduduk tinggal di bandar dan harga rumah di kawasan itu adalah dalam lingkungan RM300,000 dan ke atas. "Lagi pun, pendapatan isi keluarga adalah dalam lingkungan RM3,000 sebulan. Maka, saya berpendapat cadangan REHDA itu tepat pada masanya dan saya akan mengutarakan isu itu pada mesyuarat Kabinet secepat mungkin. "Selain itu, cadangan ini juga sudah pasti dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah idaman di kawasan bandar," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Ekspo Perumahan Malaysia (Mapex) 2010, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden REHDA, Datuk Fateh Iskandar Mohamed Mansor dan Pengurus Mapex, Datuk Ng Seing Liong. Pada minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membahaskan Bajet 2011 mengumumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan Skim Perumahan Pertamaku bagi membantu golongan berpendapatan rendah iaitu golongan yang mendapat gaji kurang RM3,000 sebulan. Skim itu juga membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah yang berharga RM220,000 dengan pinjaman bank 100 peratus dan tidak perlu membayar wang pendahuluan 10 peratus.

23 Oktober 2010 (Sabtu)

MBSB sasar salur pinjaman RM1b

Oleh Zuraidah Mohamed zmohamed@bharian.com.my

MALAYSIA Building Society Bhd (MBSB) menyasar menyalurkan pinjaman berjumlah kira-kira RM1 bilion di bawah program pembiayaan perumahan ekslusif terbarunya, MBSB Ultimate dalam tempoh setahun ini. Ketua Eksekutifnya, Datuk Ahmad Zaini Othman, berkata program yang menawarkan pembiayaan minimum RM500,000 pada kadar kompetitif itu dijangka mampu meningkatkan lagi portfolio pembiayaan perumahannya yang ketika ini berjumlah RM5 bilion. Katanya, MBSB juga akan melaksanakan promosi agresif menerusi 33 cawangannya di seluruh negara bagi memasarkan program pembiayaan itu yang menawarkan tempoh pembayaran balik sehingga umur peminjam menccah 70 tahun.

“Kami yakin, MBSB Ultimate yang menawarkan kadar terendah di pasaran mampu mencatatkan pengeluaran pembiayaan sehingga RM1 bilion dalam tempoh 12 bulan selepas pelancarannya. “Malah, kami yakin MBSB mampu mengembalikan kedudukan sebagai peneraju utama dalam pasaran pembiayaan kewangan menerusi strategi dan keupayaan produk yang ditawarkan,” katanya pada sidang media selepas pelancaran program pembiayaan terbaru itu di Petaling Jaya, semalam.

Ia dilancarkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Chor Chee Heung. Hadir sama, Pengurus MBSB, Tan Sri Abdul Halim Ali. Menerusi MBSB Ultimate, Ahmad Zaini berkata, pelanggan boleh memilih jenis yang mereka mahukan, selain menikmati kadar simpanan pilihan yang tinggi serta tempoh bayaran balik sehingga umur 70 tahun. Katanya, MBSB menyediakan dua kategori tempoh pinjaman balik iaitu sehingga tempoh 30 tahun atau berusia 65 tahun; dan skim khas bagi mereka yang berusia 50 tahun dan ke atas dengan tempoh bayaran dilanjutkan sehingga mereka berusia 70 tahun. “MBSB Ultimate adalah ekspresi yang menjadi inspirasi MBSB dalam membangunkan program pembiayaan perumahan yang terbaik di pasaran,” katanya.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Prestasi keseluruhan bertambah baik berbanding pada 2008 10 kementerian, 4 jabatan cemerlang urus kewangan

KUALA LUMPUR: Sepuluh kementerian dan empat jabatan kerajaan mencapai tahap cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan pada 2009 dengan memperoleh 90 markah ke atas berbanding dengan hanya empat kementerian dan dua jabatan, tahun sebelumnya. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009, yang dikeluarkan semalam, kementerian yang dinilai cemerlang ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian lain ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Jabatan yang mendapat markah cemerlang pula ialah Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Sementara itu, 15 kementerian dinilai sebagai baik dalam prestasi pengurusan kewangan 2009 dengan memperoleh markah antara 80 dan 89, manakala 36 jabatan/agensi memperoleh 70 hingga 79 markah.

Tiga jabatan memperoleh tahap memuaskan dalam pengurusan kewangan dengan markah antara 60 dan 70 bagi tahun 2009. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat kementerian dan jabatan bagi 2009 bertambah baik berbanding 2008, kata laporan itu. Semakan audit selanjutnya ke atas 25 kementerian mendapati secara umumnya, tiga daripada enam kawalan utama ada pada tahap cemerlang iaitu Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Terimaan manakala Kawalan Bajet, Pengurusan dan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor didapati pada tahap baik. Bagi 44 jabatan pula, lima kawalan utama kecuali Pengurusan Aset dan Stor mendapat tahap baik. Pengurusan Aset dan Stor hanya mencapai tahap memuaskan. Laporan Audit itu turut mengesyorkan beberapa cadangan untuk memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan termasuk Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan membetulkan dan mencegah terhadap kelemahan dibangkitkan Jabatan Audit Negara dan mempertingkatkan pembabitan pegawai pengawal dan ketua jabatan secara 'hands-on' dalam perkara ini. Ia juga mengesyorkan tindakan surcaj atau tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil ataumembuat bayaran yang tidak teratur. – BERNAMA.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

'Sandwich tanpa sardin'

SANDWICH tanpa sardin, tomato, timun dan salad diberi kepada murid adalah antara kelemahan dikesan Ketua Audit Negara dalam laporannya berhubung Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah. Laporan itu juga mendedahkan murid yang menyertai rancangan berkenaan turut diberikan mi segera dan bihun goreng kosong, serta tidak mematuhi menu ditetapkan Kementerian Pelajaran. Malah, makanan disediakan juga tawar atau masin, nasi keras, manakala minuman terlalu manis atau terlalu cair. "Antara kelemahan pelaksanaan RMT ialah kelayakan menerima tidak dipatuhi, makanan disediakan tidak berkualiti dan tidak mematuhi panduan, pengurusan dan penyediaan makanan kurang memuaskan, serta kelemahan dalam pemantauan," kata laporan itu. Seramai 689,950 murid di 138 daerah di seluruh negara menerima bantuan RMT membabitkan perbelanjaan berjumlah RM249.26 juta pada 2009. "Pemeriksaan audit juga mendapati ada makanan seperti kari daging lembu disimpan selama 18 jam, iaitu dimasak pada 16 Julai 2009 sebelum jam 1 tengah hari untuk dihidangkan kepada murid pada keesokannya jam 7.30 pagi," kata Laporan Ketua Audit Negara 2009.

Seramai 689,950 murid di 138 daerah menerima bantuan RMT membabitkan perbelanjaan berjumlah RM249.26 juta pada 2009. Di Sekolah Kebangsaan (SK) Bokah, Lundu, Sarawak, ibu bapa terpaksa bergilir masak di stor yang tidak sesuai, berhabuk, kotor serta terbuka, manakala murid pula makan di kelas. Selain itu, kantin sedia ada di SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, dirobohkan untuk membina bangunan baru bilik darjah, makanan terpaksa dimasak di kuarters dan murid makan di tempat letak kereta yang terdedah kepada habuk serta keadaan berbecak apabila hujan. "Antara kelemahan pelaksanaan RMT ialah kelayakan menerima tidak dipatuhi, makanan disediakan tidak berkualiti dan tidak mematuhi panduan, pengurusan dan penyediaan makanan kurang memuaskan, serta kelemahan dalam pemantauan," kata laporan itu. Seramai 689,950 murid di 138 daerah menerima bantuan RMT membabitkan perbelanjaan berjumlah RM249.26 juta pada 2009.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Pengurangan kompaun tak ikut prosedur

LAPORAN Ketua Audit Negara 2009 mendedahkan wujud kes pengurangan kompaun ditawarkan kepada pendatang tanpa izin (PATI) yang ditangkap dalam operasi Jabatan Imigresen, diluluskan pegawai atasan tanpa melalui Jawatankuasa Rayuan Imigresen. Mengikut pandangan Audit, pengurangan kompaun oleh pegawai atasan yang diberi kuasa di bawah Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 itu dikhuatiri boleh menyebabkan penyalahgunaan kuasa. Ini kerana, Jabatan Imigresen pada 16 September 2008 mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2008 mengenai penubuhan jawatankuasa itu bagi menimbang rayuan pengurangan kompaun, tetapi pekeliling terdahulu memberi kuasa kepada pegawai atasan tidak dibatalkan. Menurut laporan itu, semakan audit ke atas 1,050 daripada 35,566 kertas siasatan di pejabat dipilih mendapati, 346 kertas siasatan membabitkan 5,239 PATI tidak dapat dikemukakan untuk pemeriksaan audit kerana tidak dapat dikesan.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Murid tidak layak turut terima bantuan KWAPM

LAPORAN Ketua Audit Negara 2009 mendedahkan berlaku penyelewengan mengagihkan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) kepada murid tidak layak kerana maklumat pendapatan mereka meragukan. Malah, ada penerima didapati memiliki kemudahan tidak sepadan dengan kedudukan kewangan diisytiharkan seperti saluran televisyen berbayar Astro, lebih sebuah kenderaan dan ada penghawa dingin di rumah. Selain itu, lapan kes kehilangan dan penyelewengan berjumlah RM196,550 dilaporkan dari 2004 hingga 2008 di mana dua daripadanya akibat penyalahgunaan wang oleh guru besar, kehilangan wang oleh guru besar (tiga), kegagalan guru besar menyerahkan wang (dua) dan aduan penyelewengan kewangan oleh guru besar (satu). Tiga daripada kes itu sudah disiasat Kementerian Pelajaran dan pihak yang terbabit sudah dikenakan tindakan, iaitu hukuman tatatertib berupa amaran dan turun pangkat (satu kes) serta guru besar dikenakan tindakan surcaj (dua kes).

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata semakan terhadap borang permohonan KWAPM bagi 1,350 murid yang diluluskan bantuan mendapati ia turut diberi kepada penerima tidak memenuhi kriteria. "Ada bantuan diluluskan walaupun pendapatan dicatat dalam borang permohonan tidak melayakkannya. "Pihak sekolah mencatat angka pendapatan lebih rendah dan menambah bilangan tanggungan daripada yang ditunjukkan dalam borang permohonan murid bagi melayakkannya mereka menerima bantuan. "Selain itu, ada juga sekolah yang mengisi Borang Rumusan terlebih dulu untuk dihantar kepada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan kemudian mengarahkan murid melengkapkan borang permohonan," katanya dalam laporan itu.

Sejak KWAPM ditubuhkan pada 2003, kerajaan memperuntukkan RM1.45 bilion untuk tabung itu, bagaimanapun sejumlah RM1.62 bilion sudah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada pelajar miskin, dengan sumbangan turut diterima daripada sektor awam dan swasta, orang ramai dan pulangan daripada simpanan tetap. Hasil temu bual pihak audit dengan 404 penerima bantuan tahun lalu di 42 sekolah mendapat 75 orang atau 18.6 peratus keluarga ada kemudahan Astro di rumah, 72 keluarga (17.8 peratus) memiliki antara dua hingga enamkenderaan dan sembilan keluarga memiliki antara satu hingga dua unit pendingin hawa.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Selangor mula usir peneroka hutan simpan

BANTING: Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) semalam, memulakan operasi mengusir dan memusnahkan tanaman peneroka haram di kawasan seluas 1,000 hektar di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan selepas diteroka sejak 20 tahun lalu. Sebahagian kawasan daripada keseluruhan keluasan 6,709 hektar hutan simpan itu diteroka secara haram dan ditanam dengan pelbagai tanaman termasuk kelapa sawit, jagung, ubi kayu, kentang dan kunyit dipercayai untuk pasaran luar negara. Penolong Pengarah Operasi dan Penguatkuasaan JPNS, Mohd Yussainy Mat Yusop, berkata operasi pemusnahan kawasan pertanian haram itu akan dilakukan secara berperingkat dan dijangka mengambil masa setahun.

Katanya, operasi itu sebahagian daripada usaha memulihara hutan simpan berkenaan selepas rosak teruk ketika penerokaan secara haram dilakukan. Tanaman seperti kelapa sawit, misalnya, tidak sesuai untuk ditanam di kawasan hutan simpan kerana ia tidak dianggap sebagai pokok hutan. "Selepas selesai semua kerja pemusnahan tanaman, kami akan menjalankan aktiviti pemuliharaan hutan dengan menanam pokok seperti meranti dan merbau bagi mengembalikan keseimbangan ekosistem hutan," katanya ketika membawa media melawat kawasan hutan simpan itu di sini, semalam. Pada lawatan itu, seramai 32 peneroka mengemukakan surat kepada JPNS yang menyatakan persetujuan mereka terhadap kerja pemuliharaan dijalankan. Mohd Yussainy berkata, ia hanya sejumlah kecil daripada lebih 500 peneroka di seluruh kawasan hutan simpan ini. Katanya, ada antara mereka mendapat Sijil Organik Malaysia (SOM) atas penanaman secara sistematis yangdijalankan tetapi malangnya ia diusahakan di kawasan tidak sah.

29 Oktober 2010 (Jumaat)

JKR cari kontraktor penyelamat

Oleh Azman Zakaria dan S Anand Kumar bhnews@bharian.com.my

Kementerian buka tender bagi teruskan kerja pembinaan Hospital Shah Alam

KUALA LUMPUR: Jabatan Kerja Raya (JKR) kini dalam proses memanggil tender baru untuk melantik kontraktor penyelamat bagi meneruskan kerja pembinaan Hospital Shah Alam yang terbengkalai, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor. Beliau berkata, berdasarkan perancangan, projek pembinaan itu dijangka siap 30 bulan dari tarikh pelantikan kontraktor baru. Katanya, projek pembinaan hospital dengan kos RM482.6 juta itu dimulakan pada 15 November 2007 dan sepatutnya siap pada 25 Jun 2011. "Bagaimanapun JKR mengeluarkan Notis Penamatan Kontrak kepada kontraktor utama projek itu pada 3 September 2010 berikutan kelewatan pelaksanaan projek selama 62 hari dan ketiadaan sebarang aktiviti di tapak pembinaan sejak Ogos 2010. "Sehingga tarikh kontrak ditamatkan, kemajuan kerja di tapak pembinaan itu ialah 27 peratus berbanding 38.9 peratus mengikut jadual dan jumlah pembayaran ialah RM139.9 juta," katanya menjawab soalan Khalid Abdul Samad (PAS-Shah Alam) ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Khalid ingin tahu status pelaksanaan projek itu serta sama ada terdapat kontraktor baru dilantik melalui proses rundingan terus menggantikan Syarikat Sunshine Fleet Sdn Bhd. Ketika menjawab soalan tambahan Khalid, Shaziman berkata, apabila tender dikeluarkan, kontraktor lazimnya menyatakan sebut harga dan berjanji menyiapkannya dalam tempoh tertentu, tetapi gagal melaksanakannya kerana pelbagai faktor. "Realitinya, jika semua ikut sebagaimana dijanjikan maka tidak akan ada projek sakit. Kebanyakan iaitu antara 60 peratus hingga 70 peratus projek sakit berpunca daripada kelemahan kontraktor," katanya. Bagi Hospital Shah Alam, katanya, kementerian menumpukan kepada kontraktor berwibawa yang akan menyelamatkan projek berkenaan, dan hanya mengambil kontraktor berpengalaman. Sehubungan itu beliau mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan mempertimbangkan kontraktor yang bakaldilantik mempunyai pengalaman menyiapkan projek hospital bernilai lebih RM100 juta.